

JENDERA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 2, OGOS 1989



UNITUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA

Sekapur Sirih

Salam sejahtera

Sidang Pengarang JENDELA merasa bangga dapat bertemu kembali dengan saudara/saudari. Sejak JENDELA diterbitkan pada Disember 1985 sehingga masa kini, kami dapati sokongan yang diberikan sungguh menggalakkan. Kami berharap semoga usaha ini dapat ditingkatkan.

Di dalam keluaran kali ini, di samping memuatkan kandungan yang biasa, kami memberi peluang kepada saudara/saudari untuk menyertai peraduan teka silang kata. Semoga saudara/saudari dapat mencuba dan memenangi hadiah-hadiah yang disediakan.

Akhir kata, salam mesra daripada kami.

RALAT

JENDELA memohon maaf kepada semua pembaca atas kelewatan penerbitan kali ini.

Ketua Pengarang

KANDUNGAN

| | |
|---------------------------|----|
| Rencana..... | 2 |
| Laporan..... | 7 |
| Hal-ehwal Kakitangan..... | 9 |
| Personaliti..... | 11 |
| Berita ASTAKA..... | 12 |
| Sumber Ilham..... | 13 |
| Sudut Resipi..... | 16 |
| Silang Kata..... | 17 |
| Ucapan..... | 18 |

Sidang Pengarang

Mohd. Pisol Ghadzali (*Ketua Pengarang*)
 Akhiar Salleh
 Aznan Omar
 Boey Fook Loong
 Lillian Woon Wai Yuee
 Mary Vergis
 Md. Noor Din
 Norma Bahri
 Sakinah Che Embi
 Lim Chee Hong (*Penasihat*)

Penghargaan kepada

Rosni Habib (*Pembantu Khas*)
 S. Kirubanathan (*Grafik*)
 Ismail Abu (*Pencetak*)
 Kamaruddin Bidin (*Pencetak*)

Rencana

BURNOUT AND THE LIBRARY ADMINISTRATOR: CARRIER OR CURE

by

Nathan M. Smith
Howard C. Bybee
Martin H. Raish

(A Summary - SCE)

Administrators can be carriers too, of an infectious malady known as burnout. While free of the symptoms themselves, they may infect those they manage, either directly, through insensitive administrative practices, or indirectly, by failing to deal with the causes and not providing the cure.

Burnout can attack any of the helping professions, including librarianship. When it strikes it exacts a cost not only from the employee, but also from the library and its community of patrons. Patron services may suffer due to absenteeism, low productivity and high employee turnover. Staffing and training costs then rise, diverting finances away from acquisitions or other library functions. Eventually public relations with the community suffer when burned out librarians focus their discontent on patrons.

BURNOUT: AN OVERVIEW

Niehouse and Mihovich describe three aspects of burnout that differentiate it from stress. First, while stress is not confined to the work place, burnout stressors are all primarily job-related. Second, the most likely candidates for burnout are highly motivated, idealistic people who expect their occupation to supply most or all of their psychological needs. And third, those who are prone to burnout often persist in trying to attain impossible goals.

Administrators must learn to recognize employees who are most susceptible to burnout and, by applying sound psychological principles and managing work-related stress, guide them toward a rewarding work experience.

SUSCEPTIBILITY: A PROFILE

Other personality types who are most susceptible to burnout include:-

1. impatient, competitive, hyperactive individuals.
2. the unassertive person who accepts too many assignments.
3. young singles.
4. perfectionists.
5. those living alternative life-styles.

RECOGNIZING BURNOUT: THREE INDICATORS

Symptoms of burnout can be grouped into three categories: physical, emotional and behavioral. Physical symptoms include disorders ranging from simple ailments such as back pain, tense shoulder and neck muscles, or nausea; to recurring problems such as prolonged and frequent colds, peptic ulcers, colitis, weight loss, and migraines; to serious matters such as heart disease or hyperthyroidism. And although fatigued, affected

individuals may be plagued by insomnia due to worry, or nightmares caused by an intolerable work situation.

Moodiness, overwhelming mental exhaustion and frequent irritability are emotional indicators of burnout. Those affected can't and don't care anymore; they exhibit depression-like symptoms and overall job dissatisfaction. Often they develop a pervading sense of hopelessness and failure as they spend longer and longer hours at work, while accomplishing less and less. Feelings of achievement decrease, reducing motivation. Victims are unable to concentrate, feel cynical towards co-workers and patrons, and become increasingly pessimistic and bored. In severe cases mental illness develops.

Behavioral changes also appear as burned out individuals become the ultimate bureaucrats, treating patrons impersonally, lumping them into broad categories (losers, stupid, obnoxious, etc.) and reacting to these types rather than to individuals. Their detachment pervades every aspect of job performance, such as passing off work assignments as unimportant in an effort to diminish stress. Excessive absenteeism, tardiness, extended breaks, clock-watching, leaving early, and substance abuse or addiction are all symptoms of job-related stress.

ADMINISTRATIVE CONTRIBUTORS TO BURNOUT

The following list represents only a few managerial practices that may contribute to stress in the work place.

1. Poorly defined work roles.
2. Failure to give recognition through pay raise, promotions or time off.
3. Managerial feedback which focuses on mistakes.
4. Inflexibility that obligates employees to accept more work than they can efficiently handle.
5. Outdated or restrictive administrative policies such as close supervision that communicates distrust.
6. Sustaining a work environment where the work ethic is glorified to an extreme.
7. Setting unattainable goals with attendant feelings of frustration and low self-worth.
8. Making employees feel personally responsible for failure when they had no participation in the decision making process.
9. Providing too little work or challenge.
10. Improperly matching personalities with work situations.

In addition to these general managerial miscalculations are those unique to the library profession. For example, stressed reference service personnel may become increasingly frustrated in answering patrons' questions, as difficult questions create feelings of inadequacy, routine ones become tedious, and "stupid" ones provoke resentment.

Budget cuts can become major factors too, if they cause inadequate staffing, limit the expansion of facilities and reduce resources, thus lowering morale.

Library managers must also be aware that factors seemingly beyond their control can have a negative impact on their staff. For example, to the librarian on the edge of burnout even the normal flux of the profession can become intolerable. New technologies increase demands for professional skills, yet the public image of librarians remains one of dowdy, middle-aged women with little education, and the increased friction between these images may lead to indignation and job dissatisfaction.

Similarly, public disinterest and lack of community support often translate into low salaries, increased violence against inner city librarians, vandalism, and patron complaints, each in its own way adding an increment of strain to the potential burnout victim.

To help library leaders, here are two general headings:-

CONTROL THROUGH PARTICIPATIVE MANAGEMENT

Participative management gives employees greater control over their work environment by allowing them to take part in making decisions which affect them directly. Such employee input reduces despair, increases motivation and clarifies role conflicts. Success in participative management relies upon two principles. First, employees can best participate in decisions which directly affect them - they know the situation much better than outside decision makers; and second, supervisors who ask for advice and then ignore it create a problem worse than that caused by not asking at all.

This "teamwork" concept of management fosters a stronger social support group at work, helping people cope with pressure.

CONTROL THROUGH COMMUNICATION

Positive types of communication, such as expressing faith in an employee's talents and capabilities, build confidence while reducing doubts and self-defeating behavior. Similarly, praise for staff members who perform well, whether given formally or through something as simple as saying "thank you" increases their knowledge of what is expected and assures them they are doing a good job.

Furthermore, supportive communication, showing personal concern for each employee in times of joy or disappointment, can greatly increase the level of trust between staff and supervisors. This may be demonstrated by offering time off, writing personal notes of condolence or congratulations, or awarding recognition for achievement.

Active listening, clear conversation and follow-up, and careful selection of the proper setting are also essential, for they produce an atmosphere of trust that can begin to change depressed behavior.

Negative forms of communication, both verbal (such as talking down to or criticizing staff), and non-verbal (such as supervising employees too closely) tend to communicate doubt and lead to self-fulfilling prophecies of failure.

CONCLUSION

Modern libraries are increasingly stressful places to work, due in large measure to the increased reliance on automation, the information deluge, and the accelerated demand by patrons for efficient and prompt service. When coupled with budget restraints and smaller salary increases, these stressors place the library employee at risk to burnout, a syndrome costly to libraries both in terms of lost productivity and poor public relations. The affliction is contagious, especially when managers are the cause, or when they aggravate the situation through lack of understanding or an unwillingness to deal with the problem.

The very factors contributing to the rise in the incidence of burnout make it harder to find trained, dedicated professionals who care enough to achieve the level of expertise required to meet the challenge of librarianship. In order to avoid costly high turnover of library staff a variety of management strategies can be employed to reduce the incidence of burnout among librarians. No single intervention method will eradicate the problem. The best solution is a systematic combination of methods, carried out on a continuing basis.

(*Journal of library administration*, vol. 9, no.2, 1988)

NAK BACA SALAH, TAK BACA LAGI SALAH!!!

oleh

ANIS YUSAL BIN YUSOFF

(yang menjalani latihan amali di Perpustakaan USM)

Kita sering disogokkan dengan berbagai idea oleh para pemimpin parti (baik pemimpin parti yang memerintah maupun parti pembangkang), juga oleh orang atasan, alim ulama serta para cendekiawan. Kesemua idea ini cuba mempengaruhi fikiran dan tingkah laku kita dalam usaha membangunkan negara yang dicintai ini. Tetapi terdapat juga idea-idea yang berniat jahat dan cuba memecah-belahkan rakyat jelata negara ini. Untuk itu, kita harus berhati-hati supaya kita tidak mudah terpengaruh dengan apa yang disogokkan itu.

Bagi kebanyakan orang yang minatnya untuk mengambil tahu perkembangan dan pergolakan semasa di Malaysia melalui makalah-makalah yang kononnya memperjuangkan hak kebebasan bersuara atau dari buku-buku dan bahan-bahan yang diterbitkan di luar negeri, sering mendapat maklumat yang bercanggah dengan berita-berita yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Maka secara tidak langsung orang berkenaan akan lebih cenderung menjadi pengkritik dasar kerajaan dan sering pula menghindarkan dirinya daripada mempercayai apa yang dilaporkan oleh media tempatan. Perkara yang sebaliknya juga berlaku bagi seorang yang mendapat maklumat melalui media-media yang menjadi saluran kerajaan, secara tidak langsung beliau akan menjadikan dirinya *number one fan* kepada segala tindakan kerajaan, tanpa mengambil kira akan kesilapan yang mungkin berlaku dalam pentadbiran.

Kita terlalu mudah terpengaruh dengan apa yang kita baca dan dengar, memang diakui bahawa cara yang paling efektif dalam mempengaruhi pemikiran orang ramai ialah melalui penulisan. Oleh yang demikianlah maka kita mendapat begitu banyak sekali hasil penulisan dalam bentuk buku, jurnal dan sebagainya. Yang pasti, kesemua bahan-bahan ini membawa satu idea baru dan satu bentuk pembentangan supaya idea tersebut dapat dinilaikan dengan adil. Tetapi kebanyakan daripada pembaca di negara kita hari ini, lebih gemar menerima apa yang dibaca tanpa membuat penilaian yang terperinci sama ada bahan tersebut relevan dengan keadaan dan situasi setempat. Maka timbul pula persoalan, sama ada kita tidak patut mempercayai apa yang kita baca? Atau kita tidak perlu membaca? Ini tentu bercanggah dengan idea yang ingin membentuk budaya membaca di kalangan rakyat negara kita. Maka makin keliru dan serba salah kita dibuatnya dengan persoalan demi persoalan ini, "Nak baca salah, tak baca lagi salah!!!!".

Siapakah yang berperanan bagi menentukan apakah bahan untuk dibaca dan apa yang tidak patut dibaca? Soalan ini agak sukar untuk dijawab, tetapi yang lebih penting dan yang kita semua mahu agar masyarakat kita menjadi suatu masyarakat yang canggih dan serba tahu serta pandai menilai maklumat-maklumat yang diterima. Kita tidak mahu melihat masyarakat kita (terutama yang berada dalam lingkungan kampus) menjadi masyarakat yang hanya tahu 'mengenggeh' sahaja pada apa yang mereka baca, lebih-lebih lagi kita tidak mahu melahirkan *half-baked professionals*. Kita harus sedar akan anasir-anasir yang cuba memporak-perandakan negara kita melalui media-media asing dan juga terdapat melalui segelintir media-media tempatan. Oleh itu kita harus cuba mengatasi keadaan ini seperti apa yang diucapkan oleh Presiden Sukarno: "*Right or wrong my people, good or bad my country*". Dalam apa hal pun, kita harus memilih jalan tengah, tidak terburu-buru memihak pada mana-mana golongan tetapi memberi keutamaan kepada masa depan masyarakat dan negara kita, agar terbentuk dan wujud satu bangsa yang bermaruah dan dihormati yang dikenali sebagai bangsa Malaysia.

Never lend books, for no one ever returns them: the only books I have in my library are books that other folks have lent me.

Anatole Francis

COMLIS III - ISTANBUL

oleh
Masrah Hj. Abidin

Pada 24-26 Mei, 1989 empat orang pegawai ikhtisas telah menghadiri persidangan COMLIS III, iaitu *The Third Congress of Muslim Librarians and Information Scientists* di Istanbul. Mereka yang telah menghadiri persidangan ini ialah Rashidah Begum, Zainab Abdul Kader, Noor Ida Yang Rashdi dan Masrah Hj. Abidin.

Tema persidangan tersebut ialah *Planning and Information Strategy for the Muslim World* dan telah dihadiri oleh peserta-peserta dari negara-negara seperti Arab Saudi, Tunisia, Iran, Malaysia, Singapura, Brunei, Britain, Amerika Syarikat, Maghribi, Filipina, Pakistan, India dan Turki.

Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan berkaitan dengan tema persidangan ini. Kertas-kertas kerja yang dibentangkan telah dapat mengemukakan isu-isu maklumat, penerangan dan teknologi berkaitan dengan Islam dan dunia Islam untuk dibincangkan bersama.

Lawatan ke tempat-tempat bersejarah juga telah diadakan untuk peserta-peserta. Antaranya ialah Perpustakaan Manuskrip yang tertua di kawasan Masjid Sulayman, yang dipanggil Suleymaniye Library. Di sini terdapat koleksi manuskrip Islam yang begitu kaya dengan sejarah, dan disini terdapat koleksi manuskrip Islam yang terbanyak sekali di dunia. Kami juga dapat melawat The Blue Mosque (Sultanahmet Masjid), Muzium Topkapi, Grand Bazaar dan kawasan Selat Bosphorus yang begitu menarik dan indah. Di Muzium Topkapi juga terdapat koleksi barang-barang kepunyaan raja-raja Turki zaman silam. Di sini juga disimpan koleksi barang-barang peribadi Nabi Muhammad s.a.w. seperti rambut, gigi, kesan tapak kaki yang telah disadur dengan emas, pedang, surat dan lain-lain lagi.

Penyertaan ke COMLIS III dan lawatan ini telah banyak memberi manfaat kepada peserta dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

In pursuing a human rights policy, we must always keep in mind the limits of our power and of our wisdom.

Cyrus R. Vance

Laporan

Perpustakaan Media mengalami kebakaran

Pada awal pagi 4 Julai 1989, bangunan Pusat Teknologi Pendidikan dan Media telah dijilat api yang melibatkan bahagian Perpustakaan Media. Keseluruhan Perpustakaan Media telah musnah dan kesemua bahan termasuk alatan dan perabot hangus dalam kebakaran yang dahsyat itu.

Antara barang-barang yang musnah ialah 8 buah mikrokomputer, 2 alat membaca mikrofis, 2 projektor filem, 4 alat perakam video serta TV/monitor dan lebih dari 32,000 bahan-bahan media.

Sementara menunggu bangunan PTPM dipulihkan semula, Perpustakaan Media beroperasi dari Bilik Sumber, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Bangunan D29.

International Association of School Librarianship, 18th Annual Conference, 22-26 July, 1989, Subang Jaya, Selangor

Norma Bahri telah menghadiri Persidangan tersebut yang dianjurkan oleh Perpustakaan Media Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Persatuan Perpustakaan Malaysia.

Persidangan lima hari ini membawa tema *The School Library: Centre for Life-long Learning*. Sesi-sesi meliputi:

1. Trends and development.
2. Organisation, management and services: some case studies.
3. Teaching of information skills.
4. Role and education of teacher-librarians/media specialists.
5. Impact of new technology on teaching and learning.
6. Promotion of literacy and reading.
7. Standards, evaluation and research.

Sejumlah 30 kertas kerja telah dibentangkan oleh para pustakawan, pendidik dan pentadbir dari 13 negara. Pada keseluruhannya, persidangan telah berjalan dengan lancar. Seramai 255 peserta yang mewakili 21 negara telah dapat bertemu dan bertukar fikiran dan idea.

Persidangan Eksekutif Pendidikan - IBM/Pacific Group

Rashidah Begum, Ketua Bahagian Automasi telah menjadi penceramah di Persidangan Eksekutif Pendidikan IBM Asia/Pacific Group yang berlangsung pada 23-25 Ogos, 1989 di Bangkok. Rashidah adalah salah seorang dari dua orang penceramah dari Malaysia yang menyampaikan kertas bertajuk DOBIS/LIBIS AT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

ASEAN COCI INTRA-ASEAN Cultural Programme

Rashidah Begum, Ketua Bahagian Automasi telah dipilih menjadi wakil Malaysia ke ASEAN Committee on Culture and Information (COCI) Intra-ASEAN Cultural Programme - Exchange of ASEAN Librarians, 10-21 September, 1989 di Singapura. Tema rancangan ini adalah *Computerisation of Libraries*.

Demonstrasi sistem DOBIS/LIBIS

Rashidah Begum telah dijemput oleh IBM Hong Kong untuk membantu mereka memberi demonstrasi sistem DOBIS/LIBIS kepada Chinese University of Hong Kong dari 5-9 Jun, 1989.

2nd Pacific Conference on New Information Technology

Lim Chee Hong dan Rashidah Begum telah menghadiri Persidangan 2nd Pacific Conference on New Information Technology, 29-31 Mei, 1989 di Singapura.

Koleksi Arkib

Bahagian Malaysiana kini telah mempunyai kawasan khas untuk **Koleksi Arkib**. Buku-buku Koleksi Arkib mempunyai label ARKIB di kulit buku dan 'Arkib' di hujung nombor panggilan di dalam Sistem DOBIS. Contoh:

QC175.D999 m Arkib

Jika buku-buku tersebut tersilap dipinjam oleh pengguna, sila kembalikannya kepada Bahagian Malaysiana.

Kempen Bersopan Santun di Perpustakaan

Perpustakaan adalah jantung Universiti. Ia merupakan tempat tumpuan dan kunjungan bagi setiap pelajar dan ahli akademik dalam memenuhi keperluan profesyen dan kerjaya mereka.

Kerja-kerja di Perpustakaan adalah berorientasikan perkhidmatan. Perkhidmatan yang baik bukan sahaja bermakna kecekapan di dalam menjalankan tugas, tetapi lebih penting ialah tingkah laku, tatacara dan perhubungan di antara seseorang kakitangan dengan pengguna. sikap yang sedemikian akan menaikkan nama serta imej kakitangan perpustakaan sendiri.

Dengan kesedaran ini, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah mengadakan Kempen Bersopan Santun bermula dari 22 Jun 1989 sehingga 30 Jun, 1990.

Kempen Bersopan Santun telah dilancarkan dengan rasminya oleh Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) Y.Bhg. Datuk Profesor Amir Awang pada 22 Jun 1989, jam 9.30 pagi bertempat di Perpustakaan.

Objektif kempen bersopan santun diadakan di antaranya ialah:

1. Menyedarkan tentang kepentingan dan kebaikan bersopan santun di kalangan kakitangan.
2. Menyedarkan tentang kebaikan bersopan santun di kalangan pengguna Perpustakaan agar kemudahan Perpustakaan digunakan dengan baik dan berkesan.
3. Menyedarkan kepada kakitangan/pengguna tentang kelebihan bersopan santun sebagai satu amalan hidup.

Program yang dirancangkan sempena dengan kempen tersebut ialah:

1. Pelancaran Kempen Bersopan Santun pada 22 Jun 1989.
2. Mengadakan peraduan cogan kata Kempen Bersopan Santun.
3. Mengadakan pameran mulai 22 Jun 1989 sehingga 31 Julai 1989.
4. Mengadakan pertunjukkan slaid/video dari masa ke semasa.
5. Mengeluarkan tanda-tanda buku.
6. Mengadakan sidang mini kepada semua kakitangan termasuk pengawal keselamatan, kakitangan fotokopi dari masa ke semasa, juga kepada pelajar-pelajar semasa minggu orientasi.
7. Mengeluarkan lencana Kempen Bersopan Santun kepada semua kakitangan Perpustakaan yang mesti dipakai sepanjang kempen, iaitu hingga 30 Jun 1990.
8. Mengadakan ceramah umum dari masa ke semasa. Ceramah umum tentang Kempen Bersopan Santun yang pertama telah diadakan pada 15 September 1989, jam 9.30 pagi bertempat di Dewan Kuliah G. Ceramah umum tersebut telah disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Awang Had Salleh.

HAL-EHWAL KAKITANGAN

Latihan

1. Anis Yusal bin Yusoff dan Mohd. Jufri bin Ahmad, pelajar Diploma Sains Perpustakaan , Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat, Institut Teknologi MARA, telah mengadakan latihan amali di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dari 19 Jun hingga 16 September 1989.
2. Mohamad Zaki Zainul dari Jabatan Hal Ehwal Agama Pulau Pinang telah menjalani latihan mengenai pengendalian Perpustakaan pada 15-21 Jun 1989 di Bahagian Proses Teknik dan Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan.
3. How Kim Ban, dari Bengkel Jilid telah menghadiri Kursus Latihan Mengawet dan Menjilid Dokumen dan Buku, anjuran Arkib Negara Malaysia pada 17 hingga 29 Julai 1989 di Kuala Lumpur.
4. Shafie Ahmad, Quah Kung Hai, Cheah Teng Boon, Wong Peng Kit dan Ooi Hoon Hee telah menghadiri Kursus Pengkeranian Lanjutan pada 12 hingga 17 Jun 1989 yang dijalankan oleh Bahagian Personel Universiti Sains Malaysia.

Pelawat ke Perpustakaan USM

1. Pada 15 Mei 1989, tiga orang pensyarah dari Srinakharinwirot University, Bangkhen, Bangkok telah melawat ke Perpustakaan USM untuk meninjau perkembangan universiti-universiti di Malaysia dan Singapura.
2. Pada 25 Mei 1989, enam orang Pensyarah dari Library Science Departments of the Universities of Chiang Mai, Khon Kaen and Prince of Songkla melawat ke Perpustakaan USM, untuk mengetahui teknologi-teknologi baru yang digunakan oleh Perpustakaan di Malaysia, Singapura dan Thailand.
3. Pada 28 Julai 1989, seramai 49 orang pelawat telah melawat Perpustakaan USM selepas Persidangan ke-18 " The International Association of School Librarianship" untuk meninjau keadaan Perpustakaan di Malaysia
4. Pada 17 Ogos 1989, Vivien Nash, Deputy Head of Social Science Branch, Monash Library, Australia telah membuat lawatan untuk meninjau perkembangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

I don't want to be a millionaire -- I just want to live like one.

Toots Shor

Pertukaran Jabatan

Abdul Aziz Razak bertukar ke Bahagian Pendaftar

Mohd. Fadhil Bohari bertukar ke Kampus Cawangan Perak

Fauziah Hashim bertukar ke Kampus Cawangan Perak

Shafie Ahmad bertukar ke Pusat Pengajian Sains Kimia

Angela Lau bertukar ke Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Anisah Hussain bertukar ke Jabatan Bendahari

Nazik Yusof bertukar ke Perpustakaan Perubatan

Pertukaran Bahagian

Boey Fook Loong bertukar ke Unit Koleksi Bahasa Malaysia

Perletakan jawatan

Faizah Ahmad (Penyunting Sementara) - 31 Julai 1989.

Kakitangan Baru

Mohd. Zulkifli Jaafar (Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan)

Masdin Hassan (Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan)

Salmiah Mohamad (Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan)

Roshimah Hassan (Penerbit USM)

Kenaikan Pangkat

Mat Roni Abdul Rahman dilantik sebagai Penolong Pustakawan mulai 24 Februari 1989

Akhiar Salleh dilantik sebagai Penyunting Kanan mulai 15 Ogos 1989

Mohd Idris Ali

Antara senyum dan selamba, antara sinis dan tawa, dan antara ilmu dan kerjaya.... begitulah dendangan hidup yang mengiringi insan sederhana, Mohd Idris bin Ali.

Dilahirkan 35 tahun dahulu di Parit Haji Wahab, Parit Buntar, Perak, Idris merupakan anak kelima daripada tujuh anak-anak Haji Ali dengan Hajah Aishah. Mendapat pendidikan awal di salah sebuah sekolah di daerah Parit Buntar dan seterusnya sehingga ke peringkat sijil GCE.

Idris yang telah mendirikan rumah tangga dengan Rosminah Nordin telah dikurniakan tiga orang anak. Kerani di Bahagian Rujukan dan Maklumat ini pernah bertugas di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (1973-1974) sebelum ditawarkan jawatan kerani oleh Universiti Sains Malaysia.

Bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, Idris sebenarnya telah memiliki Diploma Sains Perpustakaan yang diperolehinya pada tahun 1988 setelah menamatkan pengajiannya selama tiga tahun di Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Apabila ditanyakan pengalaman dan kejayaannya memperolehi Diploma tersebut, Idris sambil melontar jauh pandangannya, seolah-olah merenung kembali roda masa

yang telah berputar, "perlu ada pengorbanan sebelum dapat mengecap kejayaan" katanya.

Ruangan akhbar yang diminatinya ialah ruangan Tokoh dan Perniagaan. Satu lagi ruangan yang paling diambil perhatian ialah ruangan iklan jawatan kosong ... ditanya mengapa ..., beliau tersenyum, senyumannya telah memberikan jawapan.

Masa lapangnya dihabiskannya dengan bertukang dan melayani karenah anak-anak. "Anak-anak adalah kurniaan Allah dan harta yang amat berharga" katanya.

Idris yang mempunyai hobi menjala ikan ini meminati sukan hoki dan ragbi. Manakala siri televisyen yang diminatinya ialah rancangan Gusti. Muzik pilihannya ialah yang berirama padang pasir. Aktif dalam aktiviti ASTAKA sejak dulu lagi, Idris sememangnya suka menjayakan kerja-kerja kebajikan.

Dalam soal makan, Idris tidak begitu cerewet, tetapi kalau isterinya menyediakan masakan pajeri dan kerabu... boleh tengok-lah berapa pinggan nasi yang akan "*diDavidCopperfieldkan*". Apabila ditanya tentang pengalaman manisnya, "banyak... tapi semua rahsia" katanya. Tentang cita-cita istimewa... "go for 10 children....kah... kah... kah".


Berita ASTAKA

Perkelahan

ASTAKA telah mengadakan perkelahan tahunan pada 25 Mei 1989. Seramai 80 orang kakitangan dan keluarga telah hadir tetapi malangnya pada hari tersebut hujan telah turun dengan lebatnya. Oleh yang demikian semua permainan telah dibatalkan. Walau bagaimanapun pihak penganjur telah bersetuju supaya perkelahan seumpama ini diadakan semula pada bulan September 1989.

Lawatan ke Medan

Pihak ASTAKA masih membuka peluang kepada semua kakitangan yang ingin menyertai program lawatan ke Medan. Lawatan selama 5 hari akan diadakan pada bulan Disember 1989. Sesiapa yang berminat sila berjumpa dengan Mohd. Idris Haji Ali untuk keterangan lanjut. Memandangkan bilangan tempat adalah terhad, mereka yang memohon dahulu akan diberikan keutamaan.



Sumber Ilham

TIGA PESAN PEMBANGUNAN

I

Keringlah dikau airmata
jangan mengalir lagi
kalau hanya untuk berduka
bertakunglah dalam kesedaran
menitislah nanti
kalau ketawaku akan terlalu lebar.

II

Mengalirlah kau keringat
temani daku dalam kesetiaanmu
dalam setiap tapak bumi
kuteroka
Basahi sekujur tubuhku
dari subuh ke senja
dalam kehangatan suatu cinta
bekerja

III

Makin merahlah kaudarah
merah dan menyala bersama semangat
yang tak kenal menyerah
menyala dan sejahtera
menyala tanpa sengketa
dalam kegigihan melebur derita
untuk semua.

IV

Darah, keringat dan air mata
Padulah kalian dalam keseimbangan
dan kesedaran
untuk suatu cita
yang pasti berlaku:
pembangunan.

FIRDAUS ABDULLAH
(Berita Minggu, 19.12.1971)

MUTIARA KATA CINTAMU

Hati ini

Yang semalam telah tersangkut
Pada paku bicaramu
Tersandar teguh terlekat utuh
Walau hujan membasahi
Walau mentari perik mengersangi
Biarpun bayu senja
Cemburu padaku

Jiwa ini

Yang semalam terhempas dibatu
Kini seriang burung di angkasa
Wajah secerah warna pelangi

Harapan ini

Kini setenang air di muara
Bila engkau tetap menjadi tebingku
Menunggu setiap aliran kasihku
Yang sememangnya untukmu

Semuga hati, jiwa dan harapan rindu ini
Kan tetap milikmu
Tatkala jari jemariku
Tersarung mutiara kata cintamu

Intan

CORET-CORET DI KAUNTER SIRKULASI

oleh
Amira H

Suatu hari seperti biasa Kaunter Pinjaman Sirkulasi penuh dengan pelajar-pelajar berbaris menunggu giliran untuk meminjam buku. Tidak kurang juga dengan Kaunter Pemulangan, begitu sibuk.

KAUNTER PINJAMAN

Pelajar Lelaki

Menghulurkan empat buah buku untuk meminjam. Dia tergesa-gesa mengeluarkan dompetnya. Korek punya korek tak juga jumpa kad keahliannya. Dahi sudah berkerut. Manik-manik kaca mula bertapak di wajahnya. Dia mulai garu kepala. !Ah! Mana pulak kad ini! runggutnya dengan nada yang sedikit hampa. Setelah beberapa saat dia pun berlalu dari situ.

Kakitangan

Memandangnya dengan sedikit perasaan tertanya-tanya.

Pelajar Wanita

Sambil tersenyum menghulurkan dua buah buku dengan kad keahliannya sekali.

Kakitangan

Ini suatu teladan yang baik', bisik hati kecilnya. Setelah selesai membuat pinjaman buku itu pun diserahkan kepadanya kembali. Oleh kerana terlalu sibuk dan hendak cepat membereskan semua peminjam, kakitangan itu tanpa menyedari yang satu buku tersebut tercincir isinya. Setelah pelajar berkenaan keluar dari Perpustakaan barulah dia menyadarinya.

Kakitangan

Terkekeh-kekeh ketawa tak terhingga. Pelajar lain yang berbaris turut ketawa sama mengetahui hal tersebut. Yang menghairankan sekali pelajar itu tak menyedari langsung yang dia hanya meminjam kulit buku sahaja. Begitu juga dengan pengawal yang bertugas. Tidak sedar satu kejadian lucu telah berlaku.

Kakitangan berkenaan terus menerus tersenyum-senyum memikirkan kejadian tersebut hingga semuanya pelajar di kaunter beredor baru dapat mengawal dirinya kembali.

SUN TAN

ALWAYS REMEMBER TO SAY
'PLEASE' AND THANK YOU'
—IF YOU ARE COURTEOUS
PEOPLE WILL ALWAYS BE
COURTEOUS IN RETURN!

PLEASE DO YOU
THINK YOU COULD
GIVE US A LITTLE
MORE POCKET-MONEY?


THANK YOU.

HAVING CONSIDERED YOUR
REQUEST I REGRET THAT
I'M UNABLE TO GRANT IT.
AT THIS TIME—SORRY!

WHAT A WASTE
OF COURTESY!

DEDIKASI ATAU PANIK?

Tersebutlah kisah pada suatu hari, tiga orang kakitangan, iaitu X, Y dan Z, di sesuatu jabatan, terperangkap di dalam lif kerana terputus bekalan elektrik. Dalam suasana kegelapan si X telah menyalakan api daripada mancis api untuk memulihkan semangat dan melihat keadaan. Kemudiannya setelah beberapa usaha dilakukan, si Y berjaya menarik dan membuka sedikit ruang pintu lif. Ini membolehkan si Y meloloskan badannya untuk melompat keluar yang diikuti oleh si Z. Walau bagaimanapun si X tidak terus menyusul melompat keluar sebaliknya cuba untuk mengeluarkan troli yang kebetulan dibawanya bersama. "Oi! loncat dulu le ... troli biak pi tinggai kat dalam" kata si Y. Kemudian barulah si X meloloskan dirinya melompat keluar.



Sudut Resipi

MOIST CHOCOLATE CAKE

oleh

Noorizan Haji Abdul Hamid

Bahan-bahan

2 cawan tepung
1 camca teh garam
1 camca teh serbuk penaik (baking powder)
2 camca teh serbuk soda (baking soda)
3/4 cawan koko (Van Houten)

2 cawan gula
1 cawan minyak
1 cawan Nescafe panas (3 camca Nescafe)
1 cawan susu segar
2 biji telur

Cara menyediakannya

1. Gaul semua bahan yang kering.
2. Masukkan bahan-bahan cecair.
3. Kacaukan semua bahan-bahan dengan had laju yang sederhana.
4. Masukkan telur dan vanilla.
5. Bakar di dalam tin ukuran 13" x 9" x 2" pada suhu 350° F selama 30 minit.

AYAM MASAK CARA HAWAII

1 cawan tepung gandum di campur dengan air garam secukup rasa
4 pound daging ayam dipotong
1/2 cawan majerin
1/2 cawan gula merah
1 cawan jus oren
2 cawan besar jus lemon
1/2 camca teh garam
1 camca besar tepung jagung yang telah dibancuh dengan sedikit air (pekat)
2 cawan betik yang dipotong

Cara menyediakannya

1. Perap daging ayam dengan tepung gandum selama 30 minit.
2. Cairkan majerin dalam acuan pembakar.
3. Letakkan daging ayam ke dalam acuan pembakar itu dan bakar selamat 40 minit.
4. Campurkan gula merah, jus oren, jus lemon, garam, tepung jagung dan betik.
5. Kacau di atas api yang sederhana hingga pekat.
6. Tuangkan ke atas daging ayam yang telah dibakar.
7. Bakar lagi selama 10-15 minit.



kieu

Peraduan Silang Kata

Syarat Penyertaan:


1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan.
2. Sidang Pengarang Jendela tidak dibenarkan mengambil bahagian.
3. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan bayaran 30 sen dan menggunakan borang yang asal. Seorang peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan.
4. Sekiranya lebih dari seorang peneka yang berjaya, undian akan dibuat untuk memilih seorang pemenang sahaja.

5. Keputusan Pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Jawatankuasa Peraduan Silang Kata
d/a Bahagian Perkhidmatan Pembaca
dan Pengembangan.
(U/P: Mohd. Pisol Ghadzali atau Aznan Omar)

7. Semua penyertaan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 15 November 1989.

\$20.00



Melintang

1. Teruk kalau kena
4. Hampir keluar anak tekak
7. Tuju ke atas atau hadapan
9. Jemput
10. Tidak boleh dipisahkan
11. Baca Khutbah
14. Kelihatan kebiru-biruan
16. Dalam keadaan lenyap dan aman
18. Julang
19. Tidak dapat berjalan
23. Sukat
25. Tindakan helang
26. Diagungkan oleh orang Cina
27. Orang kena ini jadi basah
28. Boleh simpan duit di sini

Ke bawah

1. Tidak boleh ambil segera
2. Dipanggil
3. Pungut
4. Badan besar tapi pekak
5. Kisar
6. Bukan kita menentukannya
8. Tahu untung atau rugi
12. Dipandang rendah sesudah mati
13. Dipelajari
14. Sudah dijual
15. Jangan buat begini lagi
17. Maaf
19. Biar cepat sampai
20. Rasa asam
21. Suka orang mendengarnya
22. Sekat
23. Pada badan kita
24. Disinggahsana_

UCAPAN

JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru dan tahniah kepada

Selamat Pengantin Baru

Mohd. Pisol Ghadzali
&
Zainab Hashim
(28 Mei 1989)

Mohd Nasir Abu Hashim
&
Rashidah Hj. Ahmad
(5 Ogos 1989)

Abdul Rashid Khan Abdul Hameed
&
Wanzairani Abu Bakar
(6 Ogos 1989)

Cahayamata

Muniandy Rajamanikam
Bahagian Perolehan
(cahayamata lelaki)

Nor Adzam Baba
Bahagian Malaysiana
(cahayamata perempuan)

Rosni Habib
Bahagian Penerbitan
(cahayamata perempuan)

Sakinah Che Embi
Bahagian Malaysiana
(cahayamata lelaki)

Yashmah Hj. Mohd. Noor
Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen
(cahayamata lelaki)